



SIARAN MEDIA

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

“DUA DEKAD PTPTN TERUS MENGORAK LANGKAH MENJAYAKAN AGENDA PEMBANGUNAN MODAL INSAN”

(PENUBUHAN PTPTN)

1. Penubuhan PTPTN lebih 20 tahun yang lalu adalah merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan yang pada ketika itu diterajui oleh YAB Dato' Seri Najib, Perdana Menteri di bawah dasar pendemokrasian pendidikan bagi membuka peluang seluas-luasnya kepada rakyat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi sama ada ke universiti awam, politeknik dan Institusi Pendidikan Swasta (IPTS) dengan pinjaman yang disediakan oleh PTPTN bagi membantu mereka yang memerlukan.
2. Lebih 2.8 juta rakyat Malaysia telah mendapat manfaat dan dibantu untuk meneruskan pengajian. **Graduan yang lahir daripada pendidikan tinggi negara merupakan aset yang penting dan bernilai kepada negara.** Secara tidak langsung graduan berkualiti ini mampu mengubah kedudukan keluarga mereka. **Jelas terbukti kewujudan PTPTN adalah amat relevan kepada masyarakat, kerana membantu mengurangkan kegusaran dan kerisauan ibu bapa dalam memastikan cita-cita anak mereka tercapai dengan kejayaan yang diperolehi.**

(PENCAPAIAN PRESTASI, USAHA PTPTN DAN SOKONGAN KERAJAAN)

3. Sepanjang 20 tahun PTPTN ditubuhkan, secara purata seramai 200,000 pelajar baharu akan mendapat tajaan PTPTN semasa melanjutkan pengajian pada setiap tahun. **Kutipan bayaran balik pinjaman adalah amat mustahak untuk menjamin kesinambungan dana kepada pelajar-pelajar baharu. PTPTN**

perlu dilihat dalam perspektif yang besar sebagaimana institusi kewangan yang lain. Apabila memberi pinjaman sudah semestinya perlu membuat kutipan semula untuk memastikan modal pusingan ada untuk meneruskan pemberian pinjaman kepada orang lain.

4. Setiap tahun PTPTN berjaya meningkatkan jumlah kutipan bayaran balik, kira-kira 81% peminjam yang perlu membuat bayaran balik telah melaksanakan tanggungjawab mereka. **Jumlah kutipan bayaran balik pinjaman telah meningkat dengan drastik kepada RM1.45 bilion pada tahun 2015, seterusnya RM3.43 bilion pada tahun 2016, dan yang terkini pada tahun 2017, PTPTN telah berjaya mengutip sebanyak RM3.98 bilion. Ini adalah satu rekod baharu yang cemerlang dalam sejarah pencapaian PTPTN.**
5. Prestasi bayaran balik pinjaman oleh peminjam PTPTN merupakan **usaha keras PTPTN demi kepentingan generasi akan datang supaya terus mempunyai dana bagi tujuan pendidikan tinggi.** Walau terdapat sebilangan peminjam tidak menunaikan tanggungjawab mereka dengan pelbagai alasan tetapi tidak dapat dipastikan apa alasan sebenar mereka.
6. **PTPTN sentiasa mendapat sokongan padu dan restu daripada Kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).** Pada tahun 2018, Kerajaan telah mengumumkan beberapa insentif kepada peminjam PTPTN seperti :
 - a. Memberikan **diskaun 20% atas baki hutang** bagi penyelesaian penuh pinjaman;
 - b. Memberikan **diskaun 10%** untuk **bayaran sekurang-kurangnya 50% daripada baki hutang secara sekaligus** dan **bayaran melalui potongan gaji atau *direct debit*** mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan.
 - c. **Menaikkan jumlah pinjaman kepada pelajar dalam kategori B40 yang mengikuti kursus yang berkebolehpasaran yang tinggi;**
 - d. **Melanjutkan “*Grace Period*” bayaran balik dari 6 bulan kepada 12 bulan;** dan
 - e. **Memberikan insentif khas Geran Sepadan RM500** dalam akaun SSPN1M bagi kanak-kanak berumur 7 hingga 12, tahun 2018.

(PROGRAM JOBMATCHINGPTPTN)

7. PTPTN memperkenalkan satu lagi usaha baharu di dalam membantu peminjam, khususnya kepada lebih 300,000 orang yang belum pernah membuat bayaran balik. PTPTN telah mengadakan kerjasama dengan Prestariang Systems Sdn. Bhd untuk membantu peminjam mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian melalui program JobMatchingPTPTN iaitu :

- a. **Menyediakan portal** JobMatchingPTPTN untuk para peminjam membuat permohonan jawatan kosong yang dipaparkan/disediakan;
- b. Membuat padanan (**saringan pertama**) antara kelayakan akademik, pengalaman dan minat peminjam dengan jawatan kosong; dan
- c. Mengatur temuduga (**saringan kedua**) antara majikan dan peminjam yang melepasi saringan pertama. Mereka yang berjaya sepenuhnya akan terus ditawarkan pekerjaan, sementara mereka yang memerlukan kemahiran tambahan akan ditawarkan secara bersyarat, iaitu perlu melalui latihan kemahiran tambahan.
- d. Mengatur **latihan kemahiran tambahan** sama ada di Universiti Awam, Institusi Pendidikan Swasta (IPTS), Politeknik atau Kolej Komuniti.

8. PTPTN menyediakan peruntukan awal sebanyak RM20 juta bagi membiayai latihan kemahiran tambahan yang bernilai tidak melebihi RM2,000 secara percuma kepada 10,000 peminjam terawal. Bagi latihan yang bernilai melebihi RM2,000, pinjaman akan disediakan. Seharusnya peminjam PTPTN yang masih mencari pekerjaan merebut peluang ini.

(KENAIKAN JUMLAH PINJAMAN)

9. YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2018 telah mengumumkan penyediaan peruntukan sebanyak RM200 juta untuk menaikkan jumlah pinjaman pelajar-pelajar dari kelompok **B40**. Kenaikan difokuskan untuk kursus berkebolehpasaran tinggi bagi memastikan keupayaan peminjam membuat bayaran balik. PTPTN telah menyahut seruan dan keprihatinan YAB Perdana Menteri, sehingga 6 Mac 2018, kelulusan telah pun diberikan seperti berikut :

- a. **Ijazah Sarjana Muda Perubatan (MBBS)** di semua IPTS daripada RM150,000 kepada RM250,000 untuk 5 tahun pengajian;

- b. **Diploma Pengajian Nautika di Akademi Laut Malaysia (ALAM)** dinaikkan daripada RM20,400 kepada RM89,000 untuk 3 tahun pengajian;
- c. **Diploma in Aviation (Pilot Training) di Kolej Meritus** disediakan pinjaman sebanyak RM320,000 untuk 2 tahun pengajian; dan
- d. **Kursus Profesional Association of Chatered Certified Accountants (ACCA)** disediakan pinjaman sebanyak RM60,000 untuk 4 tahun pengajian di INTEC Education College (anak syarikat UITM).

10. PTPTN memberikan komitmen akan memberikan kenaikan jumlah pinjaman untuk golongan B40 bagi kursus lain mengikut IPT dari semasa ke semasa dengan menumpukan kepada kursus yang mempunyai kebolehpasaran tinggi bagi menjamin bayaran balik kepada PTPTN.

(AKADEMIA DAN INDUSTRI ADALAH SATU)

11. PTPTN sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa menyokong hala tuju yang digariskan oleh Kementerian dan Kerajaan. Halatuju KPT untuk tahun 2018 bertemakan '**Pendidikan Tinggi 4.0 : Ilmu, Industri dan Insan**' (*Higher Education 4.0: Knowledge, Industry, Humanity*) selaras dengan perkembangan terkini Revolusi Perindustrian 4.0 atau IR4.0 yang meliputi perubahan pantas percantuman digital, fizikal dan biologikal, serta menuntut transformasi kepada kerangka pemikiran dan ekosistem pendidikan negara.

12. Antara intipati pengisian '**Pendidikan Tinggi 4.0 : Ilmu, Industri, dan Insan**' adalah slogan '**Industry and Academia Are One**' adalah bertujuan memastikan pendidikan tinggi kekal relevan, dan menghasilkan graduan yang berkualiti dan menepati serta memenuhi ciri dan kriteria yang diperlukan oleh industri. Graduan yang dihasilkan nanti mempunyai kebolehpasaran yang tinggi, berkualiti dan mendapat pekerjaan. Seterusnya mampu menjamin kelangsungan PTPTN dengan bayaran balik yang konsisten dan teratur.

13. Semua jenis kemahiran akademik dan teknikal sama ada di peringkat Sijil, Diploma, Profesional atau Ijazah yang diperlukan oleh industri akan disediakan oleh Universiti Awam, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti dengan kemudahan pinjaman PTPTN. Ini menuntut **PTPTN untuk lebih peka kepada keperluan**

pekerjaan yang ada di dalam industri dan kursus apakah yang perlu dibiayai. PTPTN juga perlu dinamik dan boleh berubah mengikut keperluan semasa bagi menyokong keperluan dan hasrat ini.

14. PTPTN bukan sahaja memberi pinjaman kepada pelajar yang memerlukan tetapi pada masa yang sama berusaha membantu memastikan kursus yang diikuti oleh pelajar adalah kursus yang mudah mendapat pekerjaan dan diperlukan oleh pihak industri. Menerusi kerjasama erat di antara industri, IPT dan PTPTN ini akan membantu ekonomi negara untuk terus berkembang dengan pesat dan lebih berdaya saing.

(SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL 1MALAYSIA (SSPN1M))

15. Skim Simpanan Pendidikan Nasional telah diperkenalkan oleh PTPTN semenjak tahun 2004 adalah merupakan satu skim simpanan pendidikan yang komprehensif dan dilaksanakan oleh PTPTN untuk memupuk budaya menabung di kalangan ibubapa bagi tujuan pendidikan tinggi di samping mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman.

16. YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2018 telah menjenamakan semula Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) kepada Skim Simpanan Pendidikan Nasional 1Malaysia (SSPN1M) dan mengumumkan penyediaan insentif Geran Sepadan sebanyak RM500 kepada pendeposit SSPN1M dengan peruntukan sebanyak RM250 juta.

17. Pada tahun 2017, Kerajaan telah menyediakan pemberian insentif Geran Sepadan RM50 kepada pelajar Tahun 1 sahaja, manakala pada tahun ini insentif tersebut telah dinaikkan sebanyak 10 kali ganda kepada RM500 bagi ibu bapa yang membuat simpanan minimum sebanyak RM500 di dalam akaun SSPN1M pada tahun ini. Skop pemberiannya juga diperluaskan kepada anak-anak yang berumur 7 hingga 12 tahun.

18. Ibu bapa yang mendeposit sebanyak RM500 di dalam SSPN1M, kerajaan akan memberikan geran sepadan dalam bentuk simpanan sebanyak RM500 percuma menjadikan jumlah deposit sebanyak RM1,000 atau boleh

dianggap sebagai pulangan segera 100% hanya melalui simpanan di dalam SSPN1M.

19. Setiap tahun PTPTN sentiasa menawarkan pemberian inisiatif dan insentif bagi menggalakkan penabungan di dalam SSPN1M. Pada hari ini, PTPTN **melancarkan Program Hadiah Cabutan Wow! SSPN1M 2018.** Inisiatif ini telah bermula semenjak tahun 2012 dan diteruskan lagi **pada tahun 2018 dengan tawaran hadiah yang lebih menarik, berjumlah RM2 juta.** Pelbagai insentif dan hadiah cabutan yang disediakan ini, memberi keuntungan kepada pendeposit SSPN1M kerana layak menyertai hadiah cabutan dan insentif geran sepadan simpanan percuma RM500. **Kerajaan berharap agar SSPN1M akan menjadi satu skim pinjaman pilihan kepada seluruh rakyat Malaysia.**
#LoveSSPN1M.

(ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) KEMENTERIAN DAN SUMBANGAN DALAM BENTUK SSPN1M)

20. SSPN1M mempunyai banyak keistimewaan dan sesuai dijadikan pilihan untuk sebarang hadiah yang ingin diberikan. **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), telah pun memilih akaun SSPN1M sebagai insentif yang diberikan kepada warga KPM yang terpilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).**

21. PTPTN menyediakan insentif kepada mana-mana Kementerian atau agensi yang memilih SSPN1M sebagai hadiah untuk APC mahupun yang berdaftar sebagai SAHABAT PTPTN.

22. Pihak Kementerian, Kerajaan-kerajaan Negeri, agensi kerajaan dan swasta diseru untuk memilih SSPN1M sebagai instrumen bagi pemberian insentif organisasi masing-masing. Ia merupakan satu pilihan yang bijak kerana SSPN1M memberikan banyak faedah dan bukan hanya simpanan semata-mata.

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
8 Mac 2018**